

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM *PARALLEL PATHWAY* DAN SARJANA BERPERANAN LAHIRKAN LEBIH RAMAI PAKAR PERUBATAN, AKTA 50 BAKAL DIPINDA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) beriltizam untuk melahirkan lebih ramai pakar perubatan demi memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan negara. Dalam perbincangan antara pihak saya dengan PYT Orla Tunney, Duta Besar Ireland ke Malaysia dan Tuan David Wallace, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke Malaysia, persetujuan bersama adalah agar kerjasama yang sedia terjalin antara KKM dan institusi-institusi yang terlibat akan diteruskan dan diperkukuh.

Dengan itu, tertakluk kepada keputusan lanjut Jemaah Menteri bagi cadangan pindaan Akta 50 berkenaan Program *Parallel Pathway*, KKM memberi sepenuh komitmen bahawa pelatih daripada Program *Parallel Pathway* yang telah menyelesaikan program tersebut dengan jayanya (*successfully completed*) akan dijadikan berhak didaftarkan sebagai pakar di bawah Akta 50.


Memandangkan kekurangan pakar perubatan yang berkhidmat di hospital kerajaan yang kian mendesak, KKM akan mengangkat cadangan kepada Jemaah Menteri untuk menyegerakan pindaan Akta 50 selewat-lewatnya pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas pada Jun 2024 bagi penguatkuasaan secepat mungkin. Sementara itu, latihan kepakaran melalui program sarjana dalam negara akan terus diperkasa agar program pembangunan kapasiti tempatan kian unggul.

Sehubungan itu, KKM menggesa semua pihak agar memberikan sepenuh kerjasama demi kepentingan seluruh pemegang taruh, terutamanya pelatih Program *Parallel Pathway* dan rakyat yang bergantung kepada perkhidmatan mereka. KKM menjamin kecekapan dan keberkesanan penyampaian sektor kesihatan awam kepada masyarakat dapat terus ditingkatkan di bawah gagasan Malaysia MADANI.

YB DATUK SERI DR DZULKEFLY BIN AHMAD

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

02 APRIL 2024



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PRESS STATEMENT

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

PARALLEL PATHWAY AND MASTER'S PROGRAMMES TO PRODUCE MORE MEDICAL SPECIALISTS, ACT 50 TO BE AMENDED

The Ministry of Health (MOH) Malaysia is committed to enhancing the number of medical specialists to fulfil the healthcare needs of our nation. In separate discussions between the Ambassador of Ireland to Malaysia, HE Orla Tunney, the Deputy High Commissioner of the United Kingdom to Malaysia, Mr David Wallace and I, all parties agreed to fortify the ongoing partnerships between MOH and the involved institutions.

Pending the Cabinet's decision on the proposed amendment to Act 50, MOH is also steadfastly dedicated to ensuring that individuals who have successfully completed their training under the Parallel Pathway programme will be eligible for registration as specialists under this act.

Given the critical shortage of medical specialists in public hospitals, MOH intends to request the Cabinet to expedite the proposed amendment, ideally by the second sitting of the third session of the Fifteenth Parliament in June 2024, for prompt implementation. Concurrently, efforts to bolster specialist

training through home-grown master's programmes will be intensified to augment local capacity-building.

Therefore, MOH urges unwavering support from all for the stakeholders, particularly trainees in the Parallel Pathway programme and individuals relying on their services. Building upon the spirit of Malaysia MADANI, MOH will remain unwaveringly determined to improve the efficiency and effectiveness of public health services for the betterment of everyone.

YB DATUK SERI DR DZULKEFLY BIN AHMAD

MINISTER OF HEALTH MALAYSIA

02 APRIL 2024